



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
MINISTRY OF ENTREPRENEURS DEVELOPMENT

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN COOPMART DAN *PERASMIAN COOP COMMUNITY MART (CCM)*, KOPERASI PUDINA PUTRAJAYA BERHAD

PUTRAJAYA, 15 April 2022 – YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, pada hari ini telah menyempurnakan pelancaran Coopmart dan perasmian *Coop Community Mart (CCM)* Koperasi Pudina Putrajaya Berhad. Majlis pada hari ini melibatkan kolaborasi dua (2) kementerian iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Kementerian Wilayah (KWP). Turut hadir pada majlis tersebut, YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan.

Melalui Projek *Coop Community Mart (CCM)*, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan kerjasama KWP telah membangunkan kedai koperasi (*coopmart*) di kawasan Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya sejak Oktober tahun lalu. Bagi menggalakkan penubuhan CCM ini, bantuan infrastruktur dan modal pusingan sebanyak RM130,000.00 diberikan oleh SKM dan RM50,000 oleh KWP kepada koperasi terpilih sebagai insentif dalam menyokong ekosistem pembangunan perniagaan koperasi yang kondusif dan mampan. Hal ini juga selaras dengan Transformasi Koperasi Malaysia (TRANSKOM) 2021-2025 yang dilancarkan sebelum ini.

YAB Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan beliau memaklumkan perolehan tahunan sektor koperasi sebanyak RM41.47 billion dengan kekuatan keluarga koperasi seramai 7.04 juta orang merupakan satu pencapaian yang boleh dibanggakan. Kerajaan juga mengiktiraf peranan koperasi dalam membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat dan percaya gerakan koperasi berupaya untuk menguasai sebahagian pasaran pemborongan dan peruncitan terutamanya dalam menguasai sistem rantai nilai bekalan barangan keperluan secara pukal dalam ekosistem gerakan koperasi yang komprehensif dan bersepadu.

Pelancaran Coopmart adalah sebahagian daripada inisiatif *Cooperative Strategic Linkages* (CSL) yang digerakkan oleh rangkaian koperasi melalui penglibatan pihak SKM, ANGKASA, Federasi Koperasi serta gerakan koperasi bagi membentuk kolaborasi strategik rangkaian pusat pengedaran gerakan koperasi yang akan mendapatkan bekalan barangan secara pukal untuk diedarkan kepada kedai-kedai koperasi di seluruh Malaysia. Program ini juga melibatkan penjenamaan semula kedai koperasi dalam usaha membantu rakyat bagi menangani isu kos sara hidup melalui kuasa beli rakyat yang menjadi pemangkin terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Berdasarkan perangkaan SKM, sejumlah 2,581 buah koperasi sektor pemborongan dan peruncitan telah didaftarkan, dengan perolehan melebihi RM820 juta.

Pada majlis yang sama, turut diadakan penyampaian bantuan CCM sebanyak RM180,000.00 kepada Koperasi Pudina Putrajaya Berhad dan Koperasi Hiliran Ampang Berhad. Selain itu, turut diserahkan bantuan geran penubuhan koperasi berjumlah RM400,000.00 dan bantuan *Mapping of Supply Chain* (MOSC) di bawah Pelan Pemulihan Usahawan

dan Koperasi COVID-19 KUSKOP sebanyak RM1.12 juta kepada Federasi Koperasi Pemborongan dan Peruncitan Berhad. Skop bantuan ini adalah di bawah inisiatif pendigitalan bertujuan untuk membiayai kos pembangunan Sistem Pengurusan Sektor Pemborongan dan Peruncitan Koperasi terhadap 24 buah pusat pengedaran koperasi (DC/SubDC) termasuk perkakasan, perisian serta kerja-kerja perkhidmatan.

Program pelancaran Coopmart dan perasmian *Coop Community Mart* yang berlangsung hari ini di Dewan Seri Pudina, Presint 17, Putrajaya turut menarik minat penduduk sekitar melalui jualan harga patut dengan potongan harga barangan asas sehingga 70 peratus.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
15 April 2022